

# UMS berjaya jadi antara universiti komprehensif terbaik: Menteri KPT

NST 13.7.2020 4

KOTA KINABALU: Menteri Pengajian Tinggi Malaysia, Dato' Dr. Noraini Ahmad memuji kejayaan Universiti Malaysia Sabah (UMS) yang telah berjaya meletakkan institusi itu di antara universiti komprehensif yang terbaik di negara ini.

Katanya, ini dibuktikan menerusi peningkatan ketara kebolehpasaran graduan (GE) UMS bagi tahun 2019 yang mencatatkan kadar GE sebanyak 90.4 peratus, iaitu peningkatan sebanyak 30.4% berbanding pencapaian pada tahun sebelumnya.

"Peningkatan ketara ini menunjukkan usaha dan komitmen tinggi daripada seluruh warga UMS dalam menghasilkan graduan yang berkualiti dan memenuhi keperluan pasaran pekerjaan."

"Dari segi ranking, UMS berada pada kedudukan 211 dalam Asian University Rankings dan kedudukan ke 801-1000 dalam 2021 QS World University Rankings."

"Manakala bagi QS World University Rankings by Subject, UMS berada di kedudukan 301-350 bagi bidang Pertanian dan Perhutanan," katanya.

Beliau berkata demikian dalam ucapan pada program Outreach Menteri Pengajian Tinggi Malaysia Bersama Warga UMS di Bangunan

Canselor UMS.

Dato' Dr. Noraini turut mengucapkan tahniah kepada UMS di atas pencapaian berada dalam lingkungan 7.4 peratus kampus universiti paling lestari di dunia berdasarkan UI-Green Matrix World University Rankings 2019.

Beliau juga memuji penglibatan penyelidik UMS dalam projek pemprosesan tomato yang akan membantu untuk menyelamatkan komuniti petani tomato di Kundasang daripada mengalami kerugian.

"Projek usaha sama dengan komuniti seperti ini amat bermakna bagi menggambarkan peranan besar universiti dalam mencerahkan masyarakat, memberikan penyelesaian, pendidikan, kemahiran dan yang paling penting mengeluarkan masyarakat dari permasalahan sedia ada," kata Noraini.

Terdahulu, Naib Canselor UMS, Prof. ChM. Datuk Dr. Taufiq Yap Yun Hin berkata, UMS dan warganya bertekad untuk memastikan kejayaan yang telah dicapai akan terus diperlakukan pada masa akan datang dalam usaha meningkatkan reputasi dan membantu hasrat Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) untuk menjadikan Malaysia sebagai hab pendidikan tinggi.



BERSAMA ... Noraini (dua dari kanan) dan Taufiq (kanan) bersama pegawai kanan KPT

"UMS kini dalam proses merangka pelan strategik dan tindakan untuk meningkatkan lagi ranking UMS dalam beberapa tahun akan datang.

"Ini termasuk menetapkan sasaran untuk dicapai oleh warga UMS sebagaimana dirangka di dalam Pelan Strategik UMS 2018-2022," katanya.

Menurut Taufiq, bagi mencapai hasrat melahirkan graduan yang holistik, berkualiti dan berketerampilan, UMS akan terus memperkasakan kurikulum agar sesuai dengan peredaran semasa sebagaimana dikehendaki oleh pemegang taruh, baik dari kalangan industri, masyarakat, ibubapa dan negara.

"UMS juga akan terus menambah baik program pengajiannya yang sedia ada dan menawarkan program pengajian baharu yang relevan kepada kehendak pemegang taruh.

"Usaha ini termasuklah cadangan menubuhkan semula Fakulti Perhutanan bagi menggalakkan penyelidikan dan memenuhi keper-

luan Negeri Sabah khasnya yang kaya dengan sumber perhutanan.


"Juga penubuhan fakulti baharu iaitu Fakulti Pendarasan Islam bagi menggiatkan penyelidikan dari aspek kefahaman dan toleransi agama yang amat penting bagi masyarakat Malaysia dan Negeri Sabah yang terdiri dari masyarakat berbilang agama dan etnik," ujar Datuk Taufiq Yap.

Pada program tersebut, Noraini turut berkesempatan meninjau pameran HUMS2U dan HUMS@Komuniti di lobi Bangunan Canselor, dan membuat lawatan ke Hospital UMS yang sedang dibangunkan.

Turut hadir pada program outreach itu Ketua Setiausaha KPT, Datuk Seri Dr. Mazlan Yusoff; Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi, Prof. Dato' Seri Dr. Mohamed Mustafa Ishak; Timbalan Ketua Setiausaha Pengurusan dan Pembangunan KPT, Rosli Yaakub; pegawai-pejawai utama UMS serta pegawai-pegawai khan KPT.



CENDERAHATI ... Taufiq Yap (kanan) menyampaikan cenderamata kepada Noraini.



KENANGAN ... Noraini bergambar bersama pegawai-pegawai KPT dan UMS selepas melawat pameran HUMS2U dan HUMS@Komuniti.